

PTPTN mampu kurangkan tanggungan ibu bapa

RASAH 29 Mei - Ibu bapa berpengetahuan rendah antara yang akan menghadapi masalah sekiranya pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dimansuhkan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Luar Bandar, Hal Ehwal Pengguna dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Hasim Rusdi berkata, keadaan itu mungkin menyebabkan mereka sanggup bertutang dengan ceti haram atau ah long semata-mata untuk membiayai pengajian anak-anak ke universiti.

Justeru, katanya, pinjaman

PTPTN dilihat sebagai satu kekegagalan besar bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga dapat meringankan beban ibu bapa berpengetahuan rendah.

"Kalau pembangkang melaburkan semua wang kerajaan dalam sektor pendidikan untuk memberi pendidikan percuma, apa akan jadi pada sektor lain yang juga perlu diberikan keutamaan?"

"Pembangkang hanya pandai bercakap akan tetapi mereka tidak pernah fikir impak tindakan mereka terhadap masa depan negara," katanya ketika merasmikan Majlis

Penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) PTPTN di Politeknik Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah dan Pengarah Politeknik Nilai, Tajuddin Abd. Rashid.

Majlis yang dianjurkan oleh USIM dan Politeknik Nilai itu menyaksikan 247 pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi menerima bantuan pinjaman pendahuluan sebanyak RM1,500 setiap seorang.



HASIM Rusdi (tiga dari kiri) menyerahkan Wang Pendahuluan Pembiayaan PTPTN kepada salah seorang pelajar sambil diperhatikan Mohamed Asin Dollah (dua dari kiri) dan Tajuddin Abd. Rashid (kiri) di Politeknik Nilai, Rasah, baru-baru ini.